

10 NOV 2001

TOLAK CUBAAN KAITKAN KEGANASAN DENGAN AGAMA, KATA SALLEH

KOTA BELUD, 10 Nov (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Salleh Tun Said menggesa semua pihak menolak sebarang percubaan untuk mengaitkan keganasan dengan mana-mana agama kerana ia boleh membawa ketidakstabilan.

Katanya ada pihak yang cuba mengaitkan kejadian serangan ke atas World Trade Centre di New York dan Pentagon di Washington pada 11 Sept lepas dan serangan terhadap Afghanistan sebagai pertembungan tamadun dunia.

Bagaimanapun, beliau berkata anggapan seperti itu perlu dikikis kerana ini akan menyukarkan usaha mewujudkan keamanan.

"Keganasan ditegah oleh Islam, dan tentunya oleh agama lain juga. Oleh itu, kita perlulah sama-sama menolak sebarang percubaan mengaitkan keganasan dengan mana-mana agama, negara atau rantau," katanya ketika merasmikan terbitan Buletin Sinar Usia Kota Belud di sini hari ini.

Salleh yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah berkata beliau bersetuju dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pentingnya Amerika menghentikan serangan terhadap Afghanistan.

-- BERNAMA

JS RHM